



# United Malacca Berhad

Reg. No. 191001000010 (1319-V)

## POLISI KEMAMPAHAN MINYAK SAWIT

### Skop

Keseluruhan operasi United Malacca Berhad (UMB) di Malaysia dan Indonesia termasuk anak-anak syarikat, syarikat-syarikat usaha sama dan syarikat di bawah pengurusan UMB adalah tertakluk kepada polisi ini. UMB juga menghendaki semua pembekal buah tandan segar untuk mematuhi polisi ini.

### Komitmen UMB

UMB amat komited untuk memastikan minyak sawit dihasilkan secara mampan melalui penilaian yang berterusan dan penambahbaikan operasinya.

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan tempatan, negeri, negara dan antarabangsa yang berkenaan
- Mematuhi Prinsip dan Kriteria piawaian pensijilan kemampan nasional yang telah didaftarkan oleh UMB
- Melindungi kawasan Nilai Konservasi Tinggi (NKT)
- Menghormati hak asasi manusia dan hak masyarakat setempat
- Membina rantai bekalan minyak sawit yang telus, boleh dikesan dan dihasilkan secara mampan, dan
- Menjalankan perniagaan secara beretika

### 1. Pengurusan Alam Sekitar dan Biodiversiti

- 1.1 Melindungi hutan Nilai Konservasi Tinggi (NKT) seperti digariskan di bawah piawaian pensijilan kemampan nasional
- 1.2 Tiada pembangunan di kawasan tanah gambut seperti digariskan di bawah piawaian pensijilan kemampan nasional
- 1.3 Memulakan rancangan untuk mengurangkan pelepasan emisi gas rumah hijau secara progresif melalui pengkomposan, tiada penebangan hutan dan pengurusan tanah gambut.
- 1.4 Mengekalkan komitmen tiada pembakaran.
- 1.5 Meminimumkan penggunaan racun makhluk perosak dan bahan kimia berbahaya, dan menerapkan kawalan biologi melalui Pengurusan Makhluk Perosak Bersepadu secara progresif.
- 1.6 Berkomunikasi dengan pekerja dan masyarakat setempat mengenai kepentingan melindungi kawasan NKT dan larangan memburu, memperdagangkan burung dan haiwan. Ini termasuk pengumpulan flora dan fauna yang jarang dijumpai dan terancam.

### 2. Hak Asasi Manusia dan Hak Masyarakat Setempat

- 2.1 Peluang pekerjaan yang adil dan saksama bagi pekerja tanpa mengira bangsa, kewarganegaraan, agama, jantina, kemampuan fizikal, umur, keanggotaan kesatuan atau gabungan politik. Menegakkan hak dan menghormati semua peringkat pekerja, termasuk pekerja kontrak, sementara dan asing.

1/2

#### Head Office

6th Floor, No. 61, Jalan Melaka Raya 8,  
Taman Melaka Raya,  
75000 Melaka, Malaysia.  
P.O. Box 117,  
75720 Melaka, Malaysia.

Tel : 06-282 3700  
06-282 3412  
06-282 3548  
Fax : 06-283 4599  
Email : umb@unitedmalacca.com.my



# United Malacca Berhad

Reg. No. 191001000010 (1319-V)

- 2.2 Melarang penggunaan buruh secara haram, paksaan, terikat atau penggajian buruh kanak-kanak serta tiada sekatan ke atas kebebasan pergerakan pekerja.
- 2.3 Menegakkan hak untuk menyertai kesatuan dan hak untuk perundingan bersama.
- 2.4 Upah dan semua pembayaran berkanun dibuat mengikut perundangan negara.
- 2.5 Pekerja yang direkrut oleh UMB tidak perlu membayar yuran pengambilan pekerja dan semua kontrak pekerjaan didokumentasikan.
- 2.6 Melarang penahanan gaji pekerja, passport atau dokumen identiti kecuali jika diperuntukkan di bawah undang-undang.
- 2.7 Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, bebas dari keganasan dan gangguan seksual.
- 2.8 Menghormati dan mengiktiraf hak-hak masyarakat pribumi dan setempat, dan hak tanah adat.
- 2.9 UMB komited terhadap prinsip *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* di dalam semua perundingan dengan masyarakat pribumi dan tempatan sebelum melakukan sebarang pembangunan.
- 2.10 Polisi-polisi yang disokong oleh UMB termasuk:
  - Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan
  - Polisi Pemberi Maklumat
  - Polisi Anti Rasuah
  - Kod Etika Pengarah
  - Tatakelakuan Pekerja

### 3. Ketelusan dan Kebolehkesanan

- 3.1 Terlibat secara terbuka dan telus untuk menyelesaikan aduan dan rungutan yang sah yang diutarakan oleh pihak berkepentingan
- 3.2 UMB akan berusaha untuk mendapatkan sumber daripada pembekal kami yang komited terhadap Polisi Kemampunan Minyak Sawit kami.
- 3.3 UMB akan membina rangkaian bekalan minyak sawit yang boleh dikesan dengan bekerjasama dengan pembeli dan pembekal kami.

### Pelaksanaan dan Pemantauan

UMB akan melaksanakan polisi ini di seluruh syarikat. Pihak pengurusan akan terus memantau keberkesanan polisi ini dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pekerja dan orang berkepentingan bagi memastikan kepatuhan sepenuhnya

**YOUNG LEE CHERN**

Ketua Pegawai Eksekutif

1 Jun 2023

2/2

#### Head Office

6th Floor, No. 61, Jalan Melaka Raya 8,  
Taman Melaka Raya,  
75000 Melaka, Malaysia.  
P.O. Box 117,  
75720 Melaka, Malaysia.

Tel : 06-282 3700

06-282 3412

06-282 3548

Fax : 06-283 4599

Email : [umb@unitedmalacca.com.my](mailto:umb@unitedmalacca.com.my)